



Senarai Fungsi dan Bidang Kuasa Jawatankuasa

Senat Universiti	
Tarikh ditubuhkan	1 Jun 1998
Punca Kuasa	Seksyen 22, Perlembagaan UTM, AUKU 1971,
Kebertanggungjawaban kepada Jawatankuasa	Kementerian Pengajian Tinggi
Kekerapan Mesyuarat	Setiap Bulan
Penjenamaan Semula Jawatankuasa (Jika Ada)	Statut Universiti Teknologi Malaysia (Senat)
Rujukan Minit Mesyuarat Penubuhan Jawatankuasa	Mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 1 bertarikh 1 Jun 1998
Fungsi dan Bidang kuasa Jawatankuasa	Seksyen 22 : Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia 22.(6) Sebagai tambahan kepada fungsi dan kuasa di bawah subseksyen 4(3) dan subseksyen (5), Senat hendaklah melaksanakan fungsi yang berikut dan menjalankan kuasa yang berikut: (a) untuk menubuhkan Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut, dan jabatan, unit atau badan di bawah Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut itu; (b) dengan keizinan Lembaga, untuk memberikan ijazah kehormat kepada orang yang telah menyumbang terhadap kemajuan atau penyebaran pengetahuan, atau yang telah memberi khidmat awam yang cemerlang; (c) untuk membentuk dasar dan kaedah pengajaran dan pembelajaran, peperiksaan, penyelidikan, biasiswa dan latihan yang dijalankan di dalam, oleh atau dari Universiti; (d) untuk memastikan standard pendidikan dalam kursus pengajian yang diadakan di dalam, oleh atau dari Universiti; (e) untuk menentukan kebolehlaksanaan atau selainnya apa-apa cadangan berkenaan dengan apa-apa kurikulum atau kursus pengajian yang

Senat Universiti	
	dijalankan atau hendak dijalankan di dalam, oleh atau dari Universiti; (f) untuk menentukan kelayakan yang dikehendaki bagi diterima masuk ke dalam mana-mana kursus pengajian yang diadakan di dalam, oleh atau dari Universiti; (g) untuk mengawal selia perjalanan penilaian dan peperiksaan, mengesahkan keputusan peperiksaan dan menentukan rayuan; (h) untuk menggubal dasar bagi melindungi kebebasan akademik atau kecemerlangan professional; dan (i) untuk melakukan segala perkara yang suai manfaat atau perlu bagi atau bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah Perlembagaan ini.
Pengerusi Jawatankuasa	Naib Canselor
Keahlian Jawatankuasa	Seksyen 22 : Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia 22.(1) Senat hendaklah terdiri daripada— (a) Naib Canselor, yang hendaklah menjadi Pengerusi; (b) semua Timbalan Naib Canselor; (c) semua Dekan Fakulti dan semua ketua Kampus Cawangan, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut Universiti; (d) tidak lebih daripada dua puluh orang profesor sepenuh masa yang dipilih bagi tempoh tiga tahun oleh semua profesor dan profesor madya sepenuh masa Universiti; dan (e) tidak lebih daripada lima orang daripada Universiti yang hendaklah diko-opt oleh Naib Canselor selama tiga tahun. (2) Senat boleh dari semasa ke semasa mengundang mana-mana orang, termasuk mana-mana pelajar, untuk menghadiri mesyuarat Senat. (3) Dalam masa ketidakhadiran Naib Canselor, seorang Timbalan Naib Canselor hendaklah mempengerusikan mesyuarat Senat. (4) Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang- Undang hendaklah menjadi ahli ex-officio tetapi tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat Senat.
Urus setia	Bahagian Pengurusan Akademik

Senat Universiti

Sumber Rujukan

- Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia
- Akta Universiti & Kolej Universiti
- Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) Akta 605
- Kaedah-Kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar) 2009

Tarikh Dikemaskini

18 Ogos 2025